



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AHKIR
SEMESTER I
SESI 2009/2010**

NAMA MATAPELAJARAN : REKABENTUK ASAS SENIBINA
LANDSKAP
KOD MATAPELAJARAN : BPD 3322
KURSUS : 3 BPC
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **LIMA (5)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA ENAM (6) SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKASURAT

- S1 (a) Proses merekabentuk landskap perlu mematuhi prinsip asas rekabentuk. Nyatakan prinsip asas rekabentuk yang terlibat dalam merekabentuk sesuatu cadangan pembangunan landskap. (10 markah)
- (b) Nyatakan **LIMA (5)** perkara yang perlu diberikan pertimbangan dalam menyediakan konsep rekabentuk sesuatu pembangunan landskap. (10 markah)
- S2 (a) Terdapat beberapa hieraki taman-taman yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju dalam menyediakan kemudahan taman rekreasi awam bagi perancangan pembangunan sesebuah kawasan perumahan. Nyatakan **LIMA (5)** jenis hieraki taman tersebut. (10 markah)
- (b) Terangkan kepentingan Pelan Induk Landskap untuk sesuatu perancangan kawasan pembangunan landskap. (10 markah)
- S3 (a) Inventori tapak adalah penting dalam proses membuat analisis tapak dalam menyediakan pelan pembangunan landskap. Nyatakan **LIMA (5)** proses inventori yang mempengaruhi analisis tapak sesuatu kawasan pembangunan landskap. (10 markah)
- (b) Nyatakan peringkat-peringkat pelaksanaan kerja yang diperlukan dalam membangunkan sebuah projek landskap. (10 markah)

- S4 (a) Landskap mempunyai peranan yang penting dalam sesebuah kawasan pembangunan. Nyatakan fungsi landskap dalam sesuatu kawasan pembangunan. (10 markah)
- (b) Huraikan kepentingan pembangunan kawasan lapang kepada masyarakat di sesebuah kawasan perumahan. (10 markah)
- S5 (a) Dalam menyediakan pelan pembangunan projek landskap, beberapa jenis lukisan pembinaan landskap perlu disediakan. Nyatakan jenis-jenis lukisan pembinaan yang terlibat dalam projek pembangunan landskap. (10 markah)
- (b) Perancangan aras tanah penting dalam proses pembangunan projek landskap. Huraikan kepentingan merancang aras tanah untuk sesuatu pembangunan landskap. (10 markah)
- S6 (a) Landskap terdiri dari dua elemen utama iaitu landskap lembut dan landskap kejur. Huraikan kepentingan landskap lembut dalam perancangan pembangunan landskap. (10 markah)
- (b) Nyatakan jenis-jenis landskap kejur yang digunakan dalam pembangunan landskap bagi sesebuah taman rekreasi awam. (10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT